

## **SYARAT-SYARAT KELULUSAN MENGELOLA/MENGURUS PASAR MALAM**

1. Tuan adalah hanya diluluskan sebagai pengurus (Operator) pasar malam pada setiap hari.....sepertimana yang pihak tuan tentukan mulai jam 5.00 petang sehingga 10.00 malam.
2. Tapak yang dibenarkan adalah seperti di peta lakaran yang disertakan, pihak tuan bertanggungjawab memastikan tiada penjaja berada di luar kawasan yang dibenarkan.
3. Pihak tuan juga dikenakan bayaran seperti berikut :-
  - a) Bayaran permit pengurusan sebanyak RM1,200.00 setahun yang perlu dijelaskan.
  - b) Bayaran pengurusan sampah sebanyak RM500.00 sebulan.
  - c) Bayaran lessen tahunan penjaja bagi setiap penjaja.
4. Pihak penyelaras tidak dibenarkan mengutip sebarang bayaran pendaftaearn kecuali bayaran perkhidmatan sebanyak **RM3.00 sepetak** setiap masa perniagaan sebanyak **RM24.00 setahun** untuk satu petak kepada MPS.
5. Tuan diwajibkan mengemukakan kepada Majlis senarai nama setiap penjaja beserta butir-butir seperti no. petak perniagaan, no. kad pengenalan, alamat, kewarganegaraan dan jenis jualan.
6. Kebersihan tapak adalah tanggungjawab pengurus iaitu menyapu, mengutip dan melupuskan semua jenis sampah sarap ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan. (Kawasan hendaklah dibersihkan pada setiap hari pasar malam diadakan).
7. Pihak penyelaras hendaklah menguruskan permohonan lessen penjaja bagi semua penjaja dan mengarahkan mereka menghadiri kursus pengendalian makanan (bagi penjaja makanan dan minuman sahaja).
8. Semua permohonan penjaja baru yang hendak dibenarkan bermiaga perlu dirujuk terlebih dahulu kepada MPS.
9. Penjaja-penjaja makanan dan minuman hanya dibenarkan bermiaga secara 'Take Away' sahaja dan kerusi meja untuk kegunaan pelanggan tidak dibenarkan sama sekali.
10. Pihak pengurus hendaklah memastikan pengawalan lalulintas, kacauganggu dan disiplin penjaja terjamin.
11. Kenderaan yang digunakan oleh penjaja tidak dibenarkan diletak dalam kawasan pasar malam yang dibenarkan, tetapi hendaklah diletak di kawasan letak kereta yang disediakan oleh pihak tuan.
12. Majlis Perbandaran Selayang berhak menarik balik kelulusan ini dan mengarahkan pasar malam ini ditutup jika pada hematnya pasar ini tidak lagi sesuai untuk berfungsi.

**SILA KEMUKAKAN PERKARA – PERKARA SEPERTI BERIKUT :-**

1. Satu Salinan Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia) bagi peniaga dan pembantu.
2. Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (Suntikan TY2) bagi Penjaga dan Semua Pembantu . (Hanya untuk penjualan Makanan Sahaja.)
3. Sijil Kursus Pengendalian Makanan.
4. Setiap pembaharuan dikenakan bayaran kos memproses RM10.00 dan bagi setiap pembantu.
5. Bayaran lessen perniagaan RM24.00 / tapak / setahun
6. Bayaran sehingga 3 bulan (1 tapak X RM 3.00 X 4 kali X 3 bulan = RM 36.00)
7. Bayaran sehingga 6 bulan (1 tapak X RM 3.00 X 4 kali X 6 bulan = RM 72.00)
8. Bayaran sehingga 12 bulan (1 tapak X RM 3.00 X 4 kali X 12 bulan = RM 144.00)
9. 2 keping gambar berukuran passport bagi setiap peniaga.

**Syarat-syarat Pasar Malam**

1. Semua permohonan penjaja baru yang hendak bermula perlu dirujuk terlebih dahulu kepada MPS.
2. Penjaja-penjaja makanan dan minuman hanya dibenarkan bermula secara 'Take Away' sahaja dan kerusi meja untuk kegunaan pelanggan tidak dibenarkan sama sekali.
3. Waktu beroperasi bermula jam 5.00 petang sehingga 10.00 malam.
4. Kebersihan sampah di tapak adalah tanggungjawab kontraktor kawasan. Pembuangan sampah hendaklah dibuat di tempat yang dibenarkan sahaja.
5. Majlis Perbandaran Selayang berhak menarik balik Lesen penjaja pasar malam sekiranya pihak penjaja melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
6. Sekiranya pihak penjaja gagal menjelaskan bayaran sewa petak pihak Majlis boleh membatalkan lesen penjaja tanpa sebarang notis.
7. Majlis boleh membuat syarat-syarat tambahan kepada pemegang lessen sekiranya perlu.
8. Pemegang lessen hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007.